


GAMBAR ATAS... Jenazah Allahyarham Tan Sri Mohd Khir Bin Johari disembahyangkan di Masjid Negara.

< Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Najib Tun Razak memberi penghormatan terakhir dengan menabur bunga di pusara Allahyarham Tan Sri Mohd Khir Bin Johari.

Teks & Foto:
WARTAWAN
ERA BARU

Perginya Seorang Pejuang Bangsa!

Era Baru - 5/11/2007



TANGGAL 19 November, 2006, menyaksikan negara dikejutkan dengan pemergian Tan Sri Mohd Khir Bin Johari ke Rahmatullah. Allahyarham adalah bekas Menteri Pelajaran yang pertama dalam kabinet Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj dan juga bekas Du

ta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat. Allahyarham diserang sakit jantung di kediaman beliau di Suasana Sentral, Bangsar, Kuala Lumpur, di hadapan isteri tercinta, Puan Sri Christine Khir, serta dua anak lelaki beliau. Jenazah beliau telah di mandi dan dikafan di Masjid Negara dan disemadikan berdekatan dengan bekas tokoh dan pejuang UMNO yang telah disemadikan di luar Makam Pah


lawan. Suasana sedih menyelubungi ahli keluarga, sanak saudara dan juga rakan-rakan Allahyarham di perkarangan Masjid Negara pada petang Ahad itu.

Tan Sri Khir Johari dilahirkan pada 29 Januari, 1923, di Kg Kancut, Alor Star dan merupakan penuntut Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Beliau pernah menjadi guru dan pada tahun 1948 bergerak aktif di dalam politik.


Beliau adalah antara menteri kabinet yang paling lama. Pembabitannya di dalam politik agak lama juga dan bergiat aktif di dalam Peratuan Badminton Malaysia, sepak takraw, tenis dan lain-lain lagi. Pada tahun 1967, beliau berjaya membawa pulang Piala Thomas ke Malaysia sewaktu memimpin pasukan badminton Malaysia dan dengan usaha gigih beliau telah di beri gelaran 'Bapa Badminton Moden Malaysia'.

Allahyarham juga menjadi Presiden pertama Sepak Raga Jaring Malaysia pada tahun 1961, perkhidmatan yang sukses kepada negara di dalam bidang sukan sehinggalah beliau memegang jawatan sebagai Timbalan Majlis Olimpik Malaysia. Walaupun beliau merupakan menteri yang paling lama berkhidmat, beliau enggan menerima sebarang pingat sehingga beliau bersara. Jasa dan khidmat beliau di dalam kerajaan dan UMNO akan sentiasa dikenang.

< Bekas Menteri Kewangan yang juga sahabat lama Pak Khir, Tengku Razaleigh Hamzah menghadiahkan Al-Fatihah kepada Allahyarham Pak Khir. Kelihatan juga Datuk Dusuki dan seorang sahabat di sebelah Tengku Razaleigh.




Allahyarham Tan Sri Khir Johari



< Upacara pengkebumian ini juga disaksikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

> Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib bertanya khabar dan mengucapkan takziah kepada Puan Sri Christine Khir sejeurus tiba untuk memberi penghormatan terakhir kepada Allahyarham.

GAMBAR BAWAH... Puan Sri Christine Khir dan anaknya sedang ditenangkan oleh Datuk Karim Marzuki iaitu seorang kenalan lama Pak Khir.



Isteri tersayang, Puan Sri Christine Khir dengan dibantu oleh dua anak lelakinya sedang menabur bunga di atas pusara suami yang tercinta.



> Allahyarham di semadikan bersebelahan dengan bekas tokoh-tokoh pejuang UMNO yang terdahulu iaitu Tun Dr Haji Sardon Bin Haji Jubir; Tan Sri Dato' Syed Ja'afar Bin Syed Hassan Albar; Tan Sri Dato' Haji Abdul Kadir Bin Haji Yusof; Tan Sri Haji Mohd Noah Bin Omar dan Tun Dr Haji Syed Nasir Bin Syed Ismail Al Shahr. Kelihatan pekerja-pekerja sedang menyiapkan kubur bagi Pak Khir.

Mahathir Terpaksa Pinjam Kereta Pak Khir Untuk Berkahwin



Tun Dr. Mahathir Mohamad

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat pengakuan bahawa beliau terpaksa meminjam kereta dari Mohd Khir Bin Johari (Tan Sri) untuk membawanya ke rumah tunangnya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali pada tahun 1956. "Saya tidak ada kereta maka saya pinjam kereta Pak Khir", kata Dr. Mahathir apabila ditanya tentang perasaan dan ingatan beliau bersama Pak Khir yang meninggal dunia pada 19 November 2006 dalam usia 83 tahun.

Dr. Mahathir, ketika mengimbas kembali tentang sumbangan Pak Khir menyatakan bahawa beliau berasa begitu sedih di atas kepergian Pak Khir yang sudah beliau kenali berpuluh-puluh tahun lamanya iaitu sejak Pak Khir menjadi seorang guru. Menurut Dr. Mahathir lagi, Pak Khir gemar bergurau dan berjenaka dan rakan serta sahabat handainya berasa begitu senang dan selesa berdamai dengan beliau untuk mendengar kata-kata lucu beliau.

Dr. Mahathir juga menyatakan yang beliau pernah bersama berjuang dengan Pak Khir dalam parti politik 'SABERKAS' (Sayang Akan Bangsa Ertinya Korban Apa Sahaja) di masa Jepun dan ketika hendak mencapai kemerdekaan dari pihak British dan bersama-sama menentang konsep Malayan Union. Sesungguhnya Pak Khir adalah salah seorang pejuang bangsa dalam politik Melayu.